

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ الْمَارِ
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (SABAH)
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN
KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

ABDUL KADIR ROSLINE @ RUSLIM

KETUA UNIT KUALITI :

PENYELARAS :

PENULIS :

1. AMINAH BINTI AMAN
2. TUTIYANA BINTI MOHAMED
3. SITI AMINAH BT TENGAH @ MOHAMMAD
4. KU MOHD AMIR AIZAT BIN KU YUSOF
5. HERSHAN @ RAY HERMAN
6. EVEANA MOSUIN
7. ANI JUAINI BINTI BAHRIN

8. 'UMAIRAH BINTI ABD KHALID
9. NURFAIZAH BINTI ABDULLAH
10. IMELDA ALBERT GISIP
11. VIDURIATI BINTI SUMIN
12. NASRAH BINTI NAHARU
13. SHAFAWATI FARHANA BINTI MOHD SAFIHIE
14. ILI FIZRINA BINTI MUHAMAD
15. AMIRRUL MUHMININ BIN DARUSSAMIN
16. JANVIN JANTENG
17. NURUL HUDA BINTI ROSLAN

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan kanan UiTMCSH diterajui oleh Yang Berbahagia Datuk Prof. Madya Dr. Hj. Abdul Kadir Bin Rosline selaku Rektor dan dibantu oleh tiga (3) orang Timbalan Rektor bagi membentuk sebuah pasukan yang dinamik dan proaktif dalam usaha untuk mencapai objektif, misi dan visi universiti. Kepimpinan kanan UiTMCSH sentiasa memantau dan membuat pensejajaran objektif kualiti, piagam pelanggan dan pelan perancangan strategik agar sentiasa seiring dengan keperluan global. Bagi menyokong bidang tumpuan pilihan pada tahun ini iaitu **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan**, beberapa langkah proaktif telah dilaksanakan oleh kepimpinan kanan universiti. Bidang tumpuan ini juga menyokong kepada lonjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 - 2025 (Pendidikan Tinggi) iaitu kecemerlangan bakat dimana komuniti akademik UiTMCSH menjadi pembimbing dan rujukan kepada projek-projek tempatan di negeri Sabah. Bagi menjayakan bidang tumpuan pilihan, dua projek berskala mega telah dikenal pasti iaitu **Projek *Freshwater Lobster Production - Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)*** dan **Projek Ternakan Kelulut**.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Berpandukan objektif utama dan petunjuk prestasi, UiTMCSH telah merangka beberapa inisiatif strategik bagi menggerakkan bidang tumpuan ini antaranya adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Bukti 1**.

Kepimpinan Kanan UiTMCSH sentiasa membuat perancangan, penelitian dan pemantauan yang berterusan bagi memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan dengan baik. Projek komuniti ini dibuat untuk komuniti B40 di Sabah dengan harapan mereka dapat menyara keluarga mereka melalui aktiviti keusahawanan dan dalam jangka masa panjang menjadikan mereka sebagai usahawan yang berjaya.

Bagi menggerakkan bidang tumpuan pilihan, kepimpinan kanan telah memberi kepercayaan kepada empat orang pensyarah untuk menggalas tanggungjawab dalam merealisasikan projek ini iaitu Prof. Madya (BK) Dr. Rozita @ Uji Mohammed, Prof. Madya Ts Dr. Hendry Joseph, Bk Surail Bin Abdul Kahar @ Eting, dan Cyril Supain @ Christopher. **Bukti 2** merupakan pelaksana Projek *Freshwater Lobster Production - Green Aquaponics Perennial System (FLP-GAPS)*

Kepimpinan kanan universiti juga telah meletakkan kepercayaan kepada Fakulti Perladangan dan Agro Teknologi UiTMCSH di bawah kelolaan Prof. Madya Ts Dr. Hendry Joseph untuk memberi bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar kepada peserta projek madu kelulut. **Bukti 3** menunjukkan sesi taklimat disampaikan kepada para peserta madu kelulut daripada Prof. Madya Ts Dr. Hendry Joseph.

SENARAI BUKTI:

1. [Approach 1.pdf](#)
2. [Approach 2.pdf](#)
3. [Approach 3.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan Kanan UiTMCSH sentiasa mengambil pendekatan yang sistematik bagi memastikan KPI universiti dapat dicapai khususnya dalam memastikan inisiatif strategik berkaitan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan dapat dilaksanakan dengan jayanya. **Bukti 1** menunjukkan cara peluasan pelaksanaan bidang tumpuan dan **bukti 2** menunjukkan objektif utama dan petunjuk prestasi.

Bagi memastikan Misi dan Visi UiTMCSH dipatuhi dan dipraktikkan oleh keseluruhan warganya, kepimpinan kanan UiTMCSH telah menyediakan beberapa wadah penyampaian untuk menyebarkan maklumat dan informasi yang berkaitan bidang tumpuan. **Bukti 3** menunjukkan beberapa wadah penyampaian yang wujud di UiTMCSH.

SENARAI BUKTI :

1. [Deployment 1.pdf](#)
2. [Deployment 2.pdf](#)
3. [Deployment 3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kepimpinan kanan UiTMCSH menyediakan pelan pemantauan yang rapi dan sistematik untuk memastikan setiap objektif dapat dicapai. Pelan pemantauan tersebut adalah seperti dalam **bukti 1**.

1.4.1.2 Merancang

Kepimpinan kanan UiTMCSH memastikan setiap aktiviti yang dijalankan haruslah dirancang dengan teliti terlebih dahulu agar aktiviti yang akan dijalankan berjalan lancar dan selaras dengan objektif UiTMCSH. Perancangan yang dirancang turut mengambil kira hala tuju negeri agar UiTMCSH mampu menyumbang dari aspek mikro dan makro. Antara pelan rancangannya ialah mewujudkan takwim aktiviti tahun semasa di mana pelan ini dapat membantu UiTMCSH merancang aktiviti sepanjang tahun dengan lebih sistematik. Di samping itu pelan rancangan juga membahagikan aktiviti mengikut portfolio unit bagi menyekut aktiviti agar selari dengan keperluan tenaga kerja, sumber kewangan dan objektif universiti.

1.4.1.3 Melaksana

Kepimpinan kanan UiTMCSH memastikan setiap aktiviti yang dilaksanakan mengikut jadual yang telah disediakan dan memastikan aktiviti yang dijalankan mencapai matlamat agar semua pihak yang terlibat akan mendapat manfaat daripada aktiviti tersebut.

1.4.1.4 Memantau

Keberkesanan setiap aktiviti yang dijalankan dipantau dengan mendapat maklum balas daripada pelanggan. Hasil maklumat daripada maklum balas pelanggan akan digunakan untuk penambahbaikan. Kaedah memuat naik aktiviti yang telah dilaksanakan ke media sosial juga turut memberi ruang untuk maklum balas diutarakan secara atasi di samping pendekatan secara manual.

1.4.1.5 Menambahbaik

Kepimpinan kanan UiTMCSH komited dalam menambah baik setiap aktiviti yang telah dijalankan dengan mengadakan *post mortem* di mana aspek seperti keberkesanan aktiviti, kecekapan pengendalian dan pengurangan kos pelaksanaan adalah bidang tumpuan bagi tujuan penambahbaikan.

SENARAI BUKTI:

1. [Check 1.pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Mekanisme Pengurusan Risiko

Kepimpinan Kanan mengambil berat terhadap pengurusan risiko dan kebarangkalian kegagalan pelaksanaan bidang tumpuan. Oleh yang demikian, beberapa langkah proaktif telah diambil oleh kepimpinan kanan untuk mengenal pasti punca risiko dan seterusnya mencegah risiko daripada berlaku.

Pada tahun 2020, UiTMCSH perlu mengadaptasi suasana yang baharu dimana sebilangan proses kerja perlu didigitalisasikan. Lanjutan daripada itu, UiTMCSH bakal berdepan dengan pelbagai risiko seperti kebocoran maklumat, maklumat dimanipulasikan, kelewatan proses kerja dan banyak lagi. Antara tindakan pencegahan yang diambil bagi mengatasi risiko tersebut adalah dengan memperkenalkan *Standard Operating Procedure (SOP)* dan mengeluarkan pekeliling yang sewajarnya untuk dipatuhi.

SENARAI BUKTI :

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Bagi memastikan bidang tumpuan sentiasa berada di tahap terbaik Kepimpinan Kanan UITMCSH mengambil inisiatif berinovasi dari aspek:

i. Rakan Kolaborasi

Dari sudut rakan kolaborasi, UITMCSH telah mengambil langkah dengan menambah kumpulan rakan kolaborasi di mana sasarannya yang bertunjangkan NBOS mensasarkan lapan (8) kategori rakan kolaborasi iaitu UITM, komuniti setempat, badan bukan kerajaan/swa

ii. Bentuk Program

Pendekatan program diubah menjadi lebih fleksibel di mana bukan sahaja dalaman tetapi program luaran juga dilaksanakan. Di samping itu, pelaksanaan program juga dinaik taraf dari peringkat kampus ke peringkat negeri/kebangsaan dengan tujuan menambah penglibatan dan menjadi lebih interaktif bersesuaian dengan keadaan semasa.

iii. Penjimatan Kos

Kepimpinan Kanan UITMCSH sentiasa mengambil kira penjimatan kos setiap program. Salah satu langkah dalam penjimatan kos ialah dengan mencari tajaan daripada rakan kolaborasi di mana situasi menang-menang diamalkan untuk menarik rakan kolaborasi melalui langkah menghimpunkan aktiviti setiap unit di dalam satu projek mega dan dijalankan secara serentak. Projek mega ini dapat menjimatkan tenaga kerja, kos dan masa. Sebagai contoh, menghimpunkan aktiviti BPJIM&A iaitu Karnival Keusahawanan, Ekspo Agrotek, dan

iv. Kecemerlangan Staf

Kepimpinan Kanan UITMCSH telah mengambil inisiatif untuk memastikan staf yang berkaitan dengan bidang tumpuan mempunyai kemahiran yang bersesuaian. Pelbagai latihan dan bengkel diberikan kepada staf untuk meningkatkan kemahiran diri. Tujuan latihan dan bengkel bukan sahaja memastikan staf dapat menjalankan tanggungjawab dan ini bengkel dan latihan kepada pelajar dilaksanakan dengan menjemput pihak luar sekali gus melibatkan kos dan masa. Dengan peningkatan kepakaran dalaman ini, UITMCSH mampu memberikan perkhidmatan yang setara dengan pihak luar.

SENARAI BUKTI -

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kepimpinan Kanan UiTMCSH sentiasa komited dan konsisten dalam menambahbaik segala program yang telah dilaksanakan. Antara lain penambahbaikan yang telah diintegrasikan adalah melalui rakan kolaborasi, bentuk program yang dianjurkan dan dalam masa yang sama penjimatan kos UiTMCSH dapat ditingkatkan. Peningkatan bilangan MoA/MoU yang termeterai pada tahun 2020 antara industri dan univeristi sudah pastinya inisiatif strategik dapat dilaksanakan seperti yang dirancang. Antara MoA yang telah dilaksanakan adalah bersama Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera Sabah (DPUB) antara Syarikat Teraju Bumiputera dan UiTM. Pelbagai program dilaksanakan bagi mencapai objektif dan inisiatif strategik yang telah dikenal pasti antara lainya adalah, dengan Projek FLP-GAPS ini mempelgiatkan kegiatan ekonomi kepada komuniti setempat di 6 Buah kampung yang terpilih, pemindahan ilmu juga dilaksanakan. Selain itu, melalui Projek AET- KELULUT kegiatan ekonomi kepada komuniti setempat di 8 buah kampung yang terpilih dipelgiatkan dan pemindahan ilmu juga dilaksanakan. Bagi kecermerlangan staf pula, penambahbaikan yang dilakukan telah dintegrasikan dalam kepimpinan kanan UiTMCSH untuk projek lobster apabila dua orang staf telah mendapat pengiktirafan dari pihak INSKEN. Bagi Projek Ternakan Kelulut pula, seramai empat (4) staf telah diiktiraf menjadi Ahli Asian Apicultural Association Philippines.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan kanan memastikan pengurusan strategik merangkumi tiga komponen iaitu memformulasi strategi, pelaksanaan strategik dan penilaian strategik. Menformulasi strategi pula didasarkan kepada misi, visi, objektif dan strategi yang dijanakan daripada pengimbasan luaran dan dalaman organisasi. Dalam pelaksanaan strategik pula, program, bajet dan prosedur membantu organisasi bertindak dalam arah seperti yang dihasratkan oleh organisasi tersebut. Semasa proses pelaksanaan strategik dan penilaian strategik, penilaian dan kawalan risiko turut dilakukan dalam usaha mewujudkan hasil paling baik seperti yang dikehendaki. Perancangan strategik adalah pendekatan sistematik UiTMCSH untuk mencapai KPI universiti khususnya bidang tumpuan iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan. Perancangan strategik ini telah dibangunkan selaras dengan teras ke-6 dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11 UiTM 2016-2020) dan teras ke-2 dalam Pelan Strategik UiTM2025 melalui tiga proses utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Pelaksanaan perancangan strategik UiTMCSH adalah berkesan dan meluas kepada seluruh warga UiTMCSH, pelaksanaan dan pencapaian setiap inisiatif telah dibentangkan semasa Amanat Tahun Baharu Rektor UiTMCSH (21 Mac 2019) disamping dibentangkan, dibincangkan di mesyuarat bahagian/unit dan mesyuarat Fakulti, malah pelaksanaan dan pencapaian dalam perancangan strategik ini telah menjadi agenda tetap di dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN). Pemantauan dan penambahbaikan ke atas semua petunjuk prestasi telah dilaksanakan melalui tiga kaedah iaitu pelaporan pencapaian prestasi oleh PTJ, pembentangan pencapaian prestasi secara menyeluruh oleh penyelaras UPS di mesyuarat MKSP dan JKEN, dan Bengkel Penyemakkan semula perancangan strategik UiTMCSH.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Objektif dan Inisiatif Strategik (Approach)

Bidang tumpuan UiTMCSH adalah Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan, Jadual 2.1 menunjukkan objektif utama, inisiatif strategik dan petunjuk prestasi berkaitan bidang tumpuan tahun 2019 dan 2020 yang telah menjadi panduan dan sasaran di bawah Bahagian PJMI&A. Pihak Pengurusan, kepimpinan kanan UiTMCSH bersama Unit Perancangan Strategik (UPS) UiTMCSH telah menyediakan pelan tindakan strategik yang menyenaraikan projek yang terlibat dengan terperinci. Bagi memastikan petunjuk prestasi ini tercapai, dua projek utama telah dikenalpasti iaitu **Projek *Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System*** dan **Projek Ternakan Kelulut Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTMCSH**. Projek-projek ini diletakkan di bawah tanggungjawab kumpulan *Special Interest Group* (SIG) TOCODES dan SIG GOWISES serta Fakulti Perladangan Agroteknologi UiTMCSH.

SENARAI BUKTI:

1. [Approach Bukti 1_Jadual 2.1.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pembangunan Perancangan Strategik (Deployment)

Perancangan strategik adalah pendekatan sistematik UiTMCSH untuk mencapai KPI universiti khususnya bidang tumpuan iaitu Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan.

Perancangan strategik ini telah dibangunkan selaras dengan Rancangan Malaysia ke sebelas UiTM 2016-2020 (RMKe-11 UiTM) dan Pelan Strategik UiTM2025 (**Jadual 2.2**).

Pembangunan Objektif utama dan inisiatif strategik dalam perancangan strategik UiTMCSH mengikut bidang tumpuan (Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan) telah diselaraskan dengan teras ke-6 RMKe-11 UiTM 2016-2020 dan teras strategik ke-2 dalam Pelan Strategik UiTM2025 melalui tiga proses utama iaitu perancangan, pelaksanaan dan pemantauan (**Rajah 2.1**). Proses perancangan melibatkan tiga faktor utama iaitu teras dalam RMKe-11 UiTM dan Pelan Strategik UiTM2025, maklumbalas pemegang taruh seperti universiti, industri, kerajaan dan masyarakat dan faktor terakhir adalah hasil analisis pencapaian petunjuk prestasi daripada bengkel semak semula perancangan strategik tahun 2018.

Dalam proses pelaksanaan, ia melibatkan empat bahagian utama iaitu Bengkel Perancangan Strategik, Pengurusan Tertinggi UiTMCSH, Unit Perancangan Strategik (UPS) dan Pihak yang bertanggungjawab (PTJ). Input daripada proses perancangan dimurnikan dan diselaraskan dengan teras ke-6 RMKe-11 UiTM dan teras ke-2 UiTM2025 bagi pembangunan objektif utama dan inisiatif strategik dalam Perancangan Strategik UiTMCSH. Dalam proses ini, keperluan bajet dan kemungkinan risiko untuk setiap inisiatif strategik juga diambilkira.

Proses terakhir pembangunan Objektif Utama dan Inisiatif Strategik adalah pemantauan. Dalam proses ini, ia melibatkan tiga pihak iaitu Pengurusan tertinggi UiTMCSH, UPS dan PTJ. Pihak UPS selaku penyelarasan dan pemudahcara berkerjasama dengan PTJ yang terlibat membentangkan dan menyediakan laporan pencapaian petunjuk prestasi bagi setiap inisiatif strategik. Pembentangan ini dilakukan setiap tiga bulan bersama pengurusan tertinggi UiTMCSH.

SENARAI BUKTI :

1. [Deployment Bukti 1 Jadual 2.2.pdf](#)
2. [Deployment Bukti 2 Rajah 2.1.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pelaksanaan Pelan Pemantauan (Learning: check)

Pelaksanaan perancangan strategic UiTMCSH adalah berkesan dan meluas kepada seluruh warga UiTMCSH. Pelaksanaan dan pencapaian setiap inisiatif telah dibentangkan semasa Amanat Tahun Baharu Rektor UiTMCSH (21 Mac 2019) disamping dibentangkan, dibincangkan di mesyuarat bahagian/unit dan mesyuarat Fakulti, malah pelaksanaan dan pencapaian dalam perancangan strategik ini telah menjadi agenda tetap di dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) (Petikan Minit Mesyuarat JKEN Bil 63, Perkara J052). Pemantauan ke atas semua petunjuk prestasi telah dilaksanakan melalui tiga kaedah seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 2.2**. Di mana hasil pemantauan ini digunakan untuk kajisemula pengurusan yang sedia ada. Pelan pemantauan yang efisien ini digunakan untuk memastikan objektif utama dan inisiatif dilaksanakan dan dicapai dengan berkesan.

Pelan pemantauan yang efisien ini digunakan untuk memastikan objektif utama dan inisiatif dilaksanakan dan dicapai dengan berkesan seperti yang ditunjukkan dalam **Rajah 2.2 dan Lampiran 1**.

SENARAI BUKTI:

1. [Learning Check Bukti 1 PETIKAN KEPUTUSAN MESYUARAT JKEN KE 63 perancangan strategik.pdf](#)
2. [Learning Check Bukti 2 Rajah 2.2.pdf](#)
3. [Learning Check Bukti 3 Lampiran 1.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko dan Pelan Kawalan Risiko (Learning:act)

Terdapat beberapa risiko utama yang boleh menjejaskan pelaksanaan atau kejayaan pencapaian objektif dan inisiatif strategik yang dipilih seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 2.4**.

SENARAI BUKTI :

1. [Learning Act Risiko Bukti 1 Jadual 2.4.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Inovasi dan Tindakan Penambahbaikan Perancangan Strategik (Learning: Act)

Templat Pencapaian Petunjuk Prestasi UiTM Sabah (TPP-UiTMCSH) telah ditambahbaik bagi memudahkan PTJ mengisi dan mengemaskini data. Selain itu, templat dikemaskini setiap bulan selepas pengesahan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) dan ini membolehkan PTJ memantau tahap pencapaian masing-masing tanpa menunggu akhir tahun. TPP – UiTMCSH ditunjukkan dalam **Lampiran 2**.

SENARAI BUKTI :

1. [Learning Act Inovasi Bukti 1 Jadual 2.5.pdf](#)
2. [Learning Act Inovasi Bukti 2 Lampiran 2.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

2.6 Amalan Pembudayaan (Integration)

2.6.1 Pelaksanaan Strategik

Pelaksanaan strategik merupakan perkara penting untuk mencapai objektif dan inisiatif serta mengelakkan kegagalan organisasi dalam mencapai matlamatnya. Justeru kepimpinan kanan UiTMCSH membentuk objektif jangka masa pendek, membentuk polisi, memotivasikan warga UiTMCSH dan mengagihkannya sumber. Menyedari pelaksanaan strategik merupakan peringkat tindakan dalam pengurusan strategik, kepimpinan kanan memastikan pelan tindakan strategik yang mengandungi senarai projek terperinci yang konsisten dengan petunjuk prestasi dan dipantau untuk memastikan objektif khusus tercapai. Sehubungan dengan itu, petikan Pelan Tindakan Strategik oleh Bahagian Penyelidikan, Jaringan, Industri, Masyarakat & Alumni (BPJIM&A), Unit ICAN dalam Lampiran 3 merupakan satu contoh pelan pelaksanaan strategik yang diaplikasikan oleh PTJ.

Objektif dan strategi yang telah dibentuk dan dirancang diturunkan dan dikembangkan secara sistematik ke semua bahagian/Fakulti, jabatan dan unit dalam organisasi oleh kepimpinan kanan melalui penganjuran bengkel, penganjuran jerawaraya, mesyuarat dan emel khusus kepada setiap PTJ (Lampiran 1). Kepimpinan kanan menyedari kepentingan agar semua warga UiTMCSH mengetahui dengan tepat objektif dan strategi organisasi. Di samping itu, perkembangan PTJ dalam melaksanakan sebarang tindakan untuk mencapai matlamat berasaskan objektif dan strategi diteliti melalui pelaporan bulanan oleh setiap PTJ. Lampiran 1 menunjukkan maklumat bengkel dan mesyuarat perancangan strategik yang telah diadakan sepanjang tahun 2020.

Dalam memastikan proses pelaksanaan strategi yang telah dibentuk dan dirancang dilaksanakan dengan berkesan dalam bidang tumpuan, perkara-perkara berikut diberikan perhatian khusus oleh kepimpinan kanan iaitu:

1. Mewujudkan struktur organisasi yang sesuai dengan strategi yang hendak dilaksanakan;
2. Menyediakan sumber-sumber yang diperlukan seperti kewangan, tenaga manusia, infrastruktur dan persekitaran kerja yang sesuai;
3. Mendapatkan komitmen dan mendorong segenap warga organisasi;
4. Mewujudkan polisi dan prosedur yang memudahkan pelaksanaan;
5. Mewujudkan pengkalan data yang dapat dijadikan sumber rujukan warga organisasi;
6. Mewujudkan barisan pengurusan dan kepimpinan yang komited untuk membimbing warga organisasi.

2.6.2 Penilaian Strategik

Penilaian strategik pula merupakan peringkat terakhir dalam pengurusan strategik melibatkan tiga aktiviti asas iaitu menyemak semula faktor luaran dan dalaman berdasarkan strategi semasa, mengukur pencapaian dan membuat tindakan pembetulan. Pihak kepimpinan kanan memastikan setiap aktiviti yang dilaksanakan dinilai untuk mengetahui keberkesanannya terhadap pencapaian matlamat organisasi melalui semakan laporan bulanan oleh PTJ. Melalui

semakan dan sesi pembentangan laporan pencapaian PTJ oleh Penyelaras UPS pada setiap mesyuarat bulanan Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN), kepimpinan kanan mampu mengenalpasti perkara-perkara yang memerlukan penambahbaikan dari masa ke semasa. Aktiviti penambahbaikan yang berkesan dan bermakna dilakukan berdasarkan maklumat yang didapati daripada aktiviti penilaian yang telah dilaksanakan.

Penilaian strategik juga digunakan sebagai satu proses untuk mengawal agar strategi yang dirancang dan dilaksanakan tidak terkeluar daripada hala tuju yang telah ditetapkan. Semakan terhadap pencapaian objektif, pencapaian sebenar dan prestasi piawai yang ditetapkan, dapat menentukan tahap kedudukan organisasi terhadap matlamat yang telah ditetapkan pada peringkat awal sesuatu strategi. Tindakan pembetulan, penambahbaikan atau pengubahsuaian dapat dilaksanakan berdasarkan data dan maklumat terperinci yang dikumpulkan semasa membuat penilaian strategik. Dalam melaksanakan penilaian strategik, alat atau instrumen yang dapat mengukur prestasi organisasi merupakan satu perkara yang amat penting. Justeru itu, senarai semak dan teknik pemerhatian turut digunakan dalam membuat penilaian.

SENARAI BUKTI :

1. [Integration Bukti 1 Lampiran 3.pdf](#)
2. [Integration Bukti 2 Lampiran 1.pdf](#)
3. [Pekeliling Bilangan 06 Tahun 2020 Pelaksanaan Garis Panduan ICT.pdf](#)
- 4.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCSH amat menitikberatkan pendekatan yang dapat melibatkan kerjasama dari pelbagai pihak bagi menjayakan sesuatu agenda dari sumber manusia yang holistic dan berkompeten yang bertujuan menyumbang kepada pembangunan. Oleh yang demikian, UiTMCSH telah mengenal pasti beberapa pelanggan yang berpotensi berdasarkan keperluan penglibatan pihak yang terlibat dalam menjayakan naik taraf status UiTMCSH. Lantaran itu, kategori pelanggan telah dikenal pasti adalah pelajar, MASMED, pihak Industri berserta penyelidik atas keupayaan pihak yang berkaitan mendokong objektif utama Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni.

Kategori pelajar, MASMED, pihak industri dan penyelidik sentiasa saling bergantung sesama sendiri dalam mencapai objektif UiTMCSH ini kerana setiap pihak memainkan peranan tersendiri yang penting keberkesanan dalam menjayakan agenda sesuatu projek.

Berdasarkan perbincangan di peringkat mesyuarat pengurusan eksekutif, mesyuarat pentadbiran dan mesyuarat pentadbiran akademik UiTMCSH yang melihat kepada pencapaian perancangan strategik, terdapat 2 projek utama yang berskala mega yang telah diperincikan berteraskan keupayaan projek tersebut yang menghasilkan impak besar terhadap pembangunan dari setiap segi nilai taraf masyarakat.

Projek berskala besar adalah seperti berikut: -

1. Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System

2. Projek Ternakan Kelulut Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah

Kedua – dua projek diletakkan di bawah tanggungjawab kumpulan Special Interest Group (SIG) TOCODES dan GOWISWES dan Fakulti Perladangan Agroteknologi UiTMCSH. Keupayaan projek tersebut dapat dipertontonkan dari segi pencapaian dan kebolehan dimana objektif utama projek tersebut memperlihatkan peningkatan dari kebolehpasaran dikalangan semua pihak dari pelbagai peringkat masyarakat yang sekaligus berkeupayaan mengurangkan kebergantungan terhadap dana kerajaan dan mampu berdiri atas usaha sendiri. Bertepatan dengan usaha serta pencapaian yang telah diperolehi, imej dan reputasi UiTMCSH melonjak naik.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PENDEKATAN (APPROACH)

Pelanggan dikenal pasti melalui dua kaedah iaitu berdasarkan keperluan penglibatan pihak berkaitan terhadap projek atau permohonan kolaborasi yang diterima bagi mendokong dua projek utama Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni. Dua kategori pelanggan telah dikenal pasti adalah terdiri daripada **pelanggan dalaman** iaitu pelajar dan **pelanggan luaran** iaitu badan professional, industri dan komuniti sekitar yang terlibat dengan projek-projek yang dijalankan secara kolaborasi. **Bukti 1** merupakan kategori pelanggan UiTMCSH.

Pelanggan yang telah dikenal pasti terlibat dalam menjayakan objektif projek-projek yang telah disasarkan. **Bukti 2** memperincikan penglibatan pelanggan (komuniti) bagi setiap projek dan manfaat utama yang diperolehi mereka.

SENARAI BUKTI:

1. [3.2.1_Bukti_1_Approach_UiTMSabah.pdf](#)
2. [Approach bukti 2.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pada dasarnya, setiap pencapaian dan penglibatan yang berlaku dalam pelaksanaan perancangan strategik dibawah UiTMCSH sentiasa dikenalpasti secara menyeluruh. Pelbagai kaedah pengumpulan dan peyimpanan data pelanggan digunapakai bagi memastikan maklumat penglibatan pelanggan berada ditahap maksima bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan. Secara umumnya, setiap pelanggan akan dikenalpasti melalui maklum balas pencapaian dari masa ke semasa serta aduan yang diterima. Segala data akan dikumpul dan dianalisa mengikut objektif kualiti yang ditetapkan.

Bagi tujuan rujukan dan penambahbaikan, UiTMCSH sentiasa memastikan data pelanggan dikumpul dan disimpan dengan baik. Secara amnya, data pelanggan disimpan dengan baik di ICAN, Pejabat Pentadbiran dan Hal Ehwal Pelajar (*rujuk bukti 1*).

Maklumat berkaitan pelajar-pelajar yang terlibat secara langsung dan tidak langsung disimpan di laman portal SIMS agar mudah segala maklumat berkaitan dicapai dan dikemaskini. Antara data yang disimpan adalah data-data peribadi pelajar serta laporan-laporan aktiviti yang telah dilakukan oleh pelajar selama tempoh penglibatan aktiviti tersebut. Sekiranya aktiviti berkaitan dengan MASMED, data-data juga akan disimpan dibawah Koordinator Keusahawanan serta Tunas Mekar Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni.

PENGLIBATAN PELANGGAN DAN KEBAIKAN YANG DIPEROLEHI

Penglibatan pelanggan adalah penting dalam menjayakan inisiatif yang dirancang. Untuk tujuan tersebut, pelbagai kaedah penglibatan pelanggan telah dilaksanakan di dalam 2 projek utama UiTMCSH. Hasil daripada penglibatan aktif komuniti setempat, pelbagai manfaat telah dikecapi seperti di bawah:

- mendapat bimbingan khusus dari pakar dalam industri
- peningkatan motivasi diri
- memperbaiki taraf hidup komuniti
- menjana pendapatan bagi komuniti
- peluang mempelajari ilmu baharu untuk penternakan madu kelulut dan juga penternakan udang kara

Bagi penglibatan Badan Professional, Industri dan Komuniti, data projek akan disimpan dibawah ICAN terutamanya projek berimpak besar. Maklumat seperti surat memorandum, surat lantikan projek pelaksana, pelaporan aktiviti sebelum, semasa serta pencapaian yang telah dijalankan akan direkodkan. Data sentiasa dikemas kini dari masa ke semasa bagi mendapatkan analisa data yang terbaik.

Penglibatan pelanggan amatlah penting dalam mencapai tahap optimum sesuatu objektif. Ia bertujuan memanfaatkan kecekapan dan keupayaan yang dihasilkan. Bagi mendapatkan penglibatan pelanggan dalam menjayakan usaha sesuatu projek, beberapa usaha telah dikenal pasti seperti menganalisa keperluan pelanggan dengan menyediakan platform yang bersesuaian seperti contoh bagi pelanggan pelajar adalah dengan menyampaikan keperluan objektif melalui amanat, taklimat, perbincangan dikalangan pelajar, pensyarah beserta pihak berkepentingan, manakala bagi projek yang berimpak tinggi seperti Projek Fresh Water Lobster Production dan Projek Ternakan Kelulut, Platform seperti perbincangan antara industri dan pengusaha, bengkel-bengkel serta seminar berkaitan pengusahaan serta pengendalian projek, MOU serta perbincangan bersama pihak-pihak yang terlibat secara

languang dan tidak languang bagi mendapatkan maklum balas mengenai kepuasan dan kepuasan pelanggan.

Segala maklum balas yang diterima akan diterima dan diproses serta tindakan yang sewajarnya akan diusahakan oleh pihak pengurusan bagi pelaksanaan yang maksima dan prestasi terbaik buat pelanggan dapat dihasilkan.

SENARAI BUKTI :

1. [Deployment bukti 1.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Penglibatan pelanggan adalah penting dalam menjayakan inisiatif yang dirancang. Untuk tujuan tersebut, pelbagai kaedah penglibatan pelanggan telah dilaksanakan di dalam dua projek utama BPJIM&A. Hasil daripada penglibatan aktif pelajar, pelbagai manfaat telah diperoleh seperti di dalam ***bukti 1***.

SENARAI BUKTI:

1. [Check Bukti 1.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Semestinya bagi setiap projek, akan terdapat risiko-risiko yang mungkin menghalang keterlibatan pelanggan. **Bukti 1** menunjukkan risiko yang boleh menjejaskan penglibatan pelanggan serta perancangan yang di ambil oleh pihak UiTMCSH untuk mengatasi masalah risiko tersebut.

SENARAI BUKTI :

1. [Risiko bukti 1.pdf](#)

3.4.3 MENGENALPASTI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Untuk tindakan penambahbaikan, UiTMCSH telah mengenalpasti beberapa cara antaranya:

- **Penyelarasan dan keseragaman** program / projek - aktiviti atau program yang berunsurkan jaringan industri, kemasyarakatan dan kesukarelawanan yang dilaksanakan oleh mana-mana unit, bahagian dan fakulti hendaklah **melaporkan** program tersebut kepada pihak PJIM&A untuk tujuan rekod.
- Program jaringan industri, kesukarelawanan dan kemasyarakatan yang dijalankan boleh dilaksanakan menggunakan **strategi lautan biru (BOS)** dengan mana-mana pihak luar supaya impaknya lebih nyata dan kosnya lebih efektif.
- **Bajet peruntukan** untuk jaringan komuniti dari pusat UiTM Shah Alam perlu terus disalurkan kepada cawangan untuk keberkesanan dan kelancaran perjalanan program/projek/aktiviti di peringkat cawangan.

SENARAI BUKTI :

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil inisiatif penambahbaikan di atas, inovasi yang terhasil adalah:

- **piagam pelanggan UiTMCSH** dalam memastikan sekurang-kurangnya 20 aktiviti jaringan komuniti dan industri dijalankan pada tahun 2020 telah pun tercapai.
- Kolaborasi terhasil antara UiTMCSH dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan apabila **kepakaran staf** diperlukan dalam bidang seperti kursus asas penternakan madu kelulut yang telah diadakan di Kg Melapi, Telupid Sandakan Sabah pada 13 September 2020.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Untuk memastikan aktiviti-aktiviti yang berkaitan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kemasyarakatan (JAK&K) berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran, UiTMCSH telah melaksanakan satu pelan pemantauan yang rapi dan sistematik yang merangkumi 4 aspek utama iaitu perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan.

UiTMCSH menyedari kepentingan sistem perancangan dan pelaksanaan yang rapi. Justeru itu, UiTMCSH telah memastikan bahawa setiap aktiviti yang dijalankan berdasarkan perancangan yang teliti. Antara lain, pelaksanaan setiap aktiviti adalah dirancang dengan mengambil kira objektif strategik UiTMCSH. Perancangan yang dibuat menyumbang kepada pencapaian serta kejayaan setiap aktiviti yang dijalankan. Selain itu, melalui perancangan yang dibuat, pihak UiTMCSH berjaya mengoptimumkan tenaga kerja dan sumber kewangan yang ada di dalam pelaksanaan setiap aktiviti.

Di dalam aspek pelaksanaan JAK&K, UiTMCSH melaksanakan setiap aktiviti berdasarkan jadual yang telah disediakan. Pelaksanaan setiap aktiviti mengikut jadual telah memastikan bahawa segala isu yang timbul semasa pelaksanaan aktiviti dapat diatasi dengan berkesan di dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Sebagai tambahan, pelaksanaan yang berkesan telah menyumbang kepada pencapaian objektif yang telah ditetapkan oleh UiTMCSH.

UiTMCSH menyedari bahawa langkah pemantauan perlu dijalankan secara berkala untuk memastikan bahawa pelaksanaan setiap aktiviti sentiasa berada di atas landasan yang telah ditetapkan. Oleh itu, proses pemantauan pencapaian bidang tumpuan (JAK&K) yang melibatkan tiga pihak (pengurusan tertinggi UiTMCSH, Unit Perancangan Strategik (UPS) dan PTJ) dilaksanakan melalui tiga peringkat secara berkala seperti yang dinyatakan di bahagian 4.4.1.

Selain itu, pihak UiTMCSH menyedari bahawa langkah-langkah penambahbaikan adalah penting untuk memastikan pencapaian serta pelaksanaan setiap aktiviti pada masa hadapan dapat dipertingkatkan untuk kebaikan semua pihak yang terlibat. Oleh itu, dengan mengambil kira pencapaian objektif serta isu-isu yang telah dihadapi semasa pelaksanaan projek, UiTMCSH telah mengadakan *post-mortem* untuk mendapatkan data-data yang boleh menyumbang kepada pencapaian yang lebih mantap di dalam setiap aktiviti yang akan dijalankan pada masa hadapan. Di dalam *post-mortem* yang telah dijalankan, aspek seperti keberkesanan aktiviti, kecekapan pengendalian dan pengurangan kos pelaksanaan adalah bagi tujuan penambahbaikan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCSH memilih tiga objektif strategik (OS) yang berkaitan dengan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kemasyarakatan (JAK&K) untuk mengukur pencapaian bidang tersebut. Objektif strategik mengikut JAK&K telah diselaraskan dengan teras ke-6 RMKe11 UiTM 2016-2020 dan Pelan Strategik UiTM2025. Objektif-objektif Strategik yang dimaksudkan adalah seperti peningkatan kebolehpasaran graduan bumiputra (OS 1), pengurangan kebergantungan kepada dana kerajaan (OS 2), dan peningkatan imej dan reputasi universiti (OS 3).

Pelbagai item ukuran disasarkan untuk mengukur pencapaian objektif-objektif strategik tersebut. Untuk mencapai OS 1, UiTMCSH telah membuat pendekatan iaitu mensasarkan aktiviti-aktiviti berteraskan keusahawanan di kalangan warga. Item ukuran yang menyokong pendekatan aktiviti keusahawanan di UiTMCSH ialah bilangan kolaborasi keusahawanan untuk perkhidmatan *coaching* dan penasihat perniagaan. Antara projek yang menyumbang kepada pencapaian OS 1 UiTMCSH pada tahun 2019-2020 ialah Projek Freshwater Lobster Production – Green Aquaponics Perennial System dan Projek Ternakan Kelulut Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTMCSH.

Pendekatan yang diguna untuk mencapai OS 2 adalah dengan menambah jalinan kerjasama penyelidikan dengan industri. UiTMCSH telah meletakkan sasaran kepada beberapa item ukuran iaitu bilangan jalinan program kerjasama dengan industri untuk mencapai OS 2.

Manakala pendekatan yang diguna untuk mencapai OS 3 adalah meningkatkan jaringan alumni dimana bilangan alumni yang terlibat dalam program jaringan bestari menjadi item ukuran.

SENARAI BUKTI:

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCSH telah menetapkan beberapa item ukuran untuk mengukur pencapaian prestasi objektif strategik (OS) yang berkaitan JAK&K. Data dan maklumat yang terdapat di dalam setiap item ukuran menjadi asas penting kepada pengukuran pencapaian JAK&K. Jadual 4.3.1, 4.3.2, 4.3.3 menunjukkan item ukuran, sumber ukuran, data yang digunakan dan kekerapan data dianalisis bagi pengukuran prestasi OS 1, OS 2 dan OS 3 JAK&K.

SENARAI BUKTI :

1. [Item Ukuran.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Proses pemantauan pencapaian bidang tumpuan (JAK&K) melibatkan tiga pihak iaitu pengurusan tertinggi UiTMCSH, Unit Perancangan Strategik (UPS) dan PTJ. Ia dilaksanakan melalui tiga peringkat secara berkala.

Peringkat pertama, PTJ diminta menghantar serta mengemaskini laporan status item ukuran setiap tiga (3) bulan kepada Penyelaras UPS. Dengan menggunakan data yang terkumpul, data dianalisis melalui kaedah analisis deskriptif, tren dan membuat perbandingan diantara pencapaian semasa dengan pencapaian terdahulu. Kaedah tren pencapaian dianalisis menggunakan mekanisme jadual, carta garis, carta pai dan carta bar bagi melihat peningkatan dan penurunan pencapaian semasa dan pencapaian terdahulu bagi UiTMCSH.

Peringkat kedua, penyelaras UPS UiTMCSH membuat laporan secara menyeluruh terhadap hasil pengumpulan dan analisis pencapaian dan membentangkannya di Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Input daripada Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) akan diambil kira dalam penyemakkan dan penambahbaikan.

Peringkat ketiga, bengkel penyemakkan semula perancangan strategik UiTMCSH dibuat dua (2) kali setahun dan disertai oleh ketiga-tiga pihak, penyelaras UPS, pengurusan tertinggi dan PTJ. Bengkel ini dibuat oleh UiTMCSH sebagai mekanisme penambahbaikan. Melalui bengkel ini, penyelaras UPS akan membentangkan hasil analisis pencapaian tahunan, mengemaskini pencapaian bersama ahli bengkel, menyemak semula item ukuran yang mungkin tidak relevan dan membuat penyelarasan.

UiTMCSH membuat perkongsian maklumat melalui Taklimat Perancangan Strategik. Taklimat setiap tiga bulan ini membentangkan pencapaian petunjuk prestasi item ukuran di peringkat kampus UiTMCSH bagi membincangkan analisis pencapaian, strategi intervensi bagi petunjuk prestasi item ukuran yang tidak mencapai sasaran dan strategi pemeraksanaan bagi petunjuk prestasi yang mencapai sasaran.

SENARAI BUKTI:

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCSH mengambil berat terhadap pengurusan risiko dan kebarangkalian kegagalan pelaksanaan bidang tumpuan. Oleh yang demikian, beberapa langkah proaktif telah diambil untuk mengenal pasti punca risiko dan seterusnya mencegah risiko daripada berlaku.

Antaranya ialah risiko yang wujud adalah data yang tidak sah atau tidak lengkap. Analisis pencapaian berdasarkan data atau maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan keputusan analisis salah dan tidak boleh digunakan. Seterusnya adalah ketirisan dan kebocoran maklumat dan data yang disimpan. Setiap maklumat atau data yang terlibat disimpan rapi kerana berpotensi mengandungi maklumat yang bersifat sulit atau rahsia.

Risiko seterusnya ialah kegagalan atau kelewatan penyediaan laporan pencapaian. Hal ini boleh berlaku sekiranya tiada pemantauan yang rapi terhadap laporan pencapaian tersebut. Kegagalan untuk menyediakan laporan yang lengkap pada masa yang tepat akan menyebabkan analisis secara menyeluruh tidak dapat dilakukan.

SENARAI BUKTI :

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Analisis pencapaian objektif strategik JAK&K dilaporkan dan dibentangkan dalam mesyuarat perancangan strategik yang diadakan setiap suku tahun. Semua maklumat dan data diperolehi daripada bahagian atau unit yang mengelola setiap aktiviti.

Bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah tepat dan sah, data dianalisis melalui kaedah analisis deskriptif, tren, perbandingan pencapaian semasa melalui penunjuk ukuran yang ingin disasarkan. Analisis perbandingan adalah perbandingan pencapaian UiTMCSH bagi tahun sebelum dan semasa. Kaedah tren pencapaian dianalisis menggunakan mekanisme jadual, carta garis, carta pai dan carta bar bagi melihat peningkatan dan penurunan pencapaian semasa dan pencapaian terdahulu bagi UiTMCSH. Semakan dengan pihak yang terlibat juga perlu dilakukan untuk mengurangkan berlakunya risiko ini.

Seterusnya, bagi risiko kebocoran data dan maklumat, pemantauan berkala terhadap kepatuhan semua garis panduan dan dasar akan dilakukan mengikut kekerapan tatacara piawai. Garis panduan dan dasar yang terlibat adalah Garis Panduan Pengurusan Dokumen Terperingkat, Dasar Pengurusan Rekod Universiti Teknologi MARA serta Dasar Pengurusan Maklumat Rasmi UiTM dan Pekeliling Bilangan 06 Tahun 2020 Pelaksanaan Garis Panduan ICT. Selain itu, audit juga dijalankan bagi memastikan semua garis panduan dan dasar yang terlibat dipatuhi. Risiko kebocoran maklumat juga dapat dikurangkan dengan memastikan setiap staf terlibat mengisi Borang Perisytiharan Kepentingan dan Perakuan Kerahsiaan.

Untuk risiko kegagalan atau kelewatan laporan, pembentangan perkembangan pencapaian akan dilakukan di dalam mesyuarat yang melibatkan pihak pengurusan seperti MKSP dan Mesyuarat JKEN. Dengan adanya pembentangan ini, risiko kelewatan dapat dielakkan kerana wujud pemantauan berkala terhadap laporan hasil pencapaian.

SENARAI BUKTI :

1. [ACT - BUKTI 1 - Dasar Pengurusan Rekod Universiti Teknologi MARA - Jabatan Arkib Universiti.pdf](#)
2. [ACT - BUKTI 2 - Dasar Pengurusan Maklumat Rasmi UiTM_14082020.pdf](#)
3. [ACT - BUKTI 3 - Pekeliling Bilangan 06 Tahun 2020 Pelaksanaan Garis Panduan ICT.pdf](#)
- 4.

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Setiap petunjuk prestasi item ukuran objektif strategik dianalisis untuk tujuan penambahbaikan. Petunjuk prestasi item ukuran yang tidak mencapai sasaran akan dikenal pasti dan diberi penekanan untuk memastikan sasaran tersebut tercapai pada masa akan datang. Sebarang penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan pencapaian adalah dengan mengambil kira amalan terbaik bagi setiap sasaran tersebut.

Berdasarkan kelemahan yang telah dikenal pasti, beberapa inovasi telah diimplementasikan dalam usaha memantapkan lagi aktiviti pelaksanaan. Antara lain, tindakan yang telah diambil ialah menggunakan teknologi terkini bagi meningkatkan prestasi JAK&K. Dengan menggunakan teknologi terkini, pelaksanaan mencapai objektif strategik JAK&K dapat ditingkatkan pada tahap optimum. Selain itu, kerjasama dengan pihak pihak syarikat dari dalam dan luar negara telah mempertingkatkan pengetahuan dalam melaksanakan JAK&K. Kerjasama daripada pihak syarikat sama ada dari dalam dan luar negara juga telah dilakukan bagi memastikan bahawa rangkaian bekalan bagi tujuan operasi JAK&K dapat dipenuhi. Hasilnya, objektif strategik JAK&K telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Di UiTMCSH melalui Bahagian Jaringan Alumni (BPJIMA) UiTMCSH telah mewujudkan pangkalan data ALUMNI UiTM CAWANGAN SABAH. Dengan adanya pangkalan data ini, UiTMCSH telah berjaya menjejak tokoh alumni untuk sesi "Professional Talk" bersama pelajar UiTMCSH, pengajurkan aktiviti jaringan bestari alumni, penganjuran majlis Sirih Pulang ke Gangang edisi UiTMCSH dan pelaporan kebolehgajian pelajar UiTMCSH.

SENARAI BUKTI :

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Sumber Manusia merupakan aset dan nadi penggerak di dalam memastikan kelancaran, perkembangan dan kejayaan sesebuah organisasi. Sumber Manusia yang efisien bermula dengan perancangan sumber manusia yang optimum berdasarkan tadbir urus yang mantap sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan Pelan Strategik UiTM.

Pengurusan Sumber Manusia di UiTM Cawangan Sabah digariskan mengikut peraturan dan polisi berkuatkuasa demi memastikan penyampaian perkhidmatan dapat disampaikan kepada pemegang taruh.

Justeru itu, usaha-usaha telah dilaksanakan agar sumber manusia menjadi modal insan yang kompeten, berpengetahuan, berkemahiran dan mempunyai tingkah laku positif bagi membolehkan mereka menyumbang secara optimal dalam mencapai visi, misi dan objektif organisasi. Selain itu juga, pengurusan audit perjawatan, pemantauan dan pengurusan risiko yang berkesan perlu dibuat bagi memastikan objektif perancangan tidak tersasar. UiTM Cawangan Sabah juga sentiasa menitik beratkan proses penambahbaikan serta menerapkan nilai-nilai murni di kalangan warga kampus. UiTM Cawangan Sabah melalui Pengurusan Sumber Manusia Tangkas mendasarkan aspek Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan melalui Projek Freshwater Lobster Production - Green Aquaponics Perennial System dan Projek Ternakan Kelulut Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

PERANCANGAN DAN KAEDAH PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Pengurusan Sumber Manusia merupakan nadi penggerak dalam kecemerlangan bakat bagi memastikan UiTM Cawangan Sabah terus berkembang dan kekal relevan di persada dunia.

UiTM Cawangan Sabah fokus kepada kecemerlangan bakat dan penyampaian perkhidmatan cemerlang melalui Pengurusan Sumber Manusia, Tadbir Urus Universiti, Sekretariat Pengurusan Universiti dan Pengurusan Rekod Pelajar Dan Konvokesyen.

UiTM Cawangan Sabah mendokong sepenuhnya hala tuju universiti melalui *UiTM 2025 Strategic Plan Unleashing Potential Shaping The Future* melalui pengurusan tangkas sentiasa memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh, bertepatan dengan kehendak pemegang taruh dan keperluan industri serta pendidikan berkualiti selaras dengan halatuju pendidikan negara melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025..

Pengurusan Sumber Manusia melalui Kecemerlangan Global dan Tadbir Urus yang mantap serta tenaga kerja yang berprestasi tinggi merupakan dua dimensi di dalam empat komponen sistem sokongan RMK11 UiTM yang menjadi fokus utama UiTM Cawangan Sabah bagi mencapai Visi dan Misi UiTM hingga 2025. Hala tuju kecemerlangan melalui fokus Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan melalui Projek Freshwater Lobster Production - Green Aquaponics Perennial System dan Projek Ternakan Kelulut Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah ini didukung prestasi berorientasikan nilai dengan pemetaan nilai I-DART dan ESI(*rujuk bukti 1*) dikalangan warga UiTM Cawangan Sabah.

Bukti 2 merupakan data sumber manusia UiTM Cawangan Sabah bagi tahun 2018, 2019 dan 2020 dalam menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan melalui Projek Freshwater Lobster Production - Green Aquaponics Perennial System dan Projek Ternakan Kelulut Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah.

Pengurusan Perjawatan telah dilaksanakan mengikut keperluan dan membantu menjayakan bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan, Projek Freshwater Lobster Production - Green Aquaponics Perennial System dan Projek Ternakan Kelulut Bimbingan Fakulti Perladangan dan Agroteknologi UiTM Cawangan Sabah dengan perincian sumber manusia seperti pada **bukti 3**.

